



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

AKTA PEKERJA GIG 2025

[AKTA 872]

**JABATAN TENAGA KERJA
(SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH & SARAWAK)**

KANDUNGAN

1. Pengenalan

- a) Latar Belakang Akta Pekerja Gig 2025
- b) Siapakah Pekerja Gig & Entiti Kontrak?
- c) Perjanjian Perkhidmatan
- d) Tanggungjawab Penyedia Platform
- e) Hak Pekerja Gig
- f) Penyahaktifan Daripada Akses Kepada Sistem Pengantara Digital
- g) Formula Pengiraan

2. Undang-Undang Berkaitan JTK

- a) Bahagian II, III dan VII Akta
- b) Potongan pendapatan
- c) Slip pendapatan

Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]

MUKADDIMAH

- melindungi hak pekerja gig



- untuk memperuntukkan kewajipan entiti kontrak



- mengawal selia terma dan syarat perjanjian perkhidmatan yang dibuat antara entiti kontrak dan pekerja gig



- untuk mengadakan peruntukan bagi mekanisme kilan dan remedi bagi pertikaian kerja atau sebarang pertikaian lain yang berkaitan dengannya



- penubuhan Majlis Perundingan dan penubuhan Tribunal Pekerja Gig serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

Akta *Pekerja Gig* 2025 [*Akta 872*]
mengandung empat (4) perkara berikut:

01

DEFINISI

03

**MEKANISME
KILANAN**

02

PENDAPATAN

04

**PERLINDUNGAN
SOSIAL**



DEFINISI PEKERJA GIG

“Pekerja gig” ertinya seseorang individu yang—



Merupakan seorang **warganegara** atau pemastautin tetap Malaysia;

- Tidak terpakai kepada pekerja asing

Membuat perjanjian perkhidmatan dengan entiti kontrak bagi pelaksanaan—

i. apa-apa perkhidmatan dengan mana-mana **entiti kontrak yang merupakan penyedia platform**; atau

ii. apa-apa perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual** dengan mana-mana entiti kontrak yang **bukan merupakan penyedia platform**; dan

Menerima **pendapatan** bagi **perkhidmatan** itu



Grab
e-hailing
p-hailing





GO GET

Pelbagai jenis
perkhidmatan



PEKERJA GIG



MENGGUNAKAN PLATFORM

Akta ini meliputi semua pekerja gig bagi semua jenis perkhidmatan yang ditawarkan/dijalankan menerusi sistem pengantaraan digital yang disediakan oleh penyedia platform.

TIDAK MENGGUNAKAN PLATFORM

Bagi pekerja gig yang menjalankan perkhidmatan tanpa menggunakan sistem pengantaraan digital iaitu **berurusan secara terus dengan entiti kontrak**, Akta ini hanya meliputi pekerja gig di dalam **jenis industri yang dinyatakan di bawah Jadual**.

Menteri boleh meminda ⁶Jadual dari semasa ke semasa

JADUAL: SENARAI INDUSTRI PEKERJA GIG TANPA PLATFORM

JADUAL
[Seksyen 2]


(1) Bil.	(2) Perkhidmatan	(3) Pekerja gig yang berkenaan
1.	Lakonan	Pelakon
2.	Aktiviti perfileman	Petugas pengeluaran filem
3.	Aktiviti yang berkaitan dengan muzik	(a) penyanyi (b) pemuzik (c) penggubah (d) penulis lirik
4.	Estetik	(a) jurusolek (b) pendandan rambut (c) jurugaya

(1) Bil.	(2) Perkhidmatan	(3) Pekerja gig yang berkenaan
5.	Terjemahan	(a) jurubahasa isyarat (b) jurubahasa atau penterjemah (c) jurutrengkas
6.	Kewartawanan	(a) wartawan (b) pemberita sambilan
7.	Penjagaan atau rawatan sebelum dan selepas ibu bersalin	Pemberijagaan
8.	Penjagaan paliatif, orang tua dan pemulihan	Pemberijagaan
9.	Fotografi dan videografi	(a) jurugambar (b) juruvideo



“LEGAL ENTITY”
Cth : Syarikat
berdaftar
(contohnya Sdn.
Bhd. atau Berhad)
Koperasi

ENTITI KONTRAK



seseorang
individu;

mana-
mana
penyedia
platform,

mana-mana orang
termasuk
kumpulan orang
yang
diperbadankan
atau didaftarkan di
bawah mana-mana
undang-undang
bertulis; atau

PERJANJIAN PERKHIDMATAN

- Apa-apa perjanjian,
- sama ada **secara lisan atau bertulis** dan
- sama ada nyata atau tersirat,
- antara entiti kontrak dengan pekerja gig
- yang menyediakan suatu perkhidmatan di Malaysia
- sebagai pertukaran bagi pendapatan,
- tetapi tidak termasuk “kontrak perkhidmatan” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265], Ordinan Buruh Sabah [Sabah Bab 67], Ordinan Buruh Sarawak [Sarawak Bab 76] dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] atau “kontrak pekerjaan” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177];



TANGGUNGJAWAB PENYEDIA PLATFORM



HAK PEKERJA GIG

01 Untuk **dimaklumkan terma dan syarat yang dipersetujui** dalam perjanjian perkhidmatan;

02 Untuk **dimaklumkan tentang perkhidmatan yang dipersetujui untuk dilaksanakan**

03 Untuk **dimaklumkan tentang kadar dan kaedah pembayaran yang dipersetujui, butiran pendapatan, tip, ganjaran, dan manfaat lain;**



04 **Menerima pendapatan bagi perkhidmatan** yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang dipersetujui oleh entiti kontrak dan pekerja gig;

05 **Dimaklumkan dan dirundingi sekiranya terdapat sebarang perubahan** pada terma dan syarat perjanjian perkhidmatan, dan perubahan tersebut tidak akan berkuat kuasa melainkan jika dipersetujui oleh pekerja gig; dan

06 **Tidak ditamatkan perkhidmatannya tanpa sebab atau alasan yang munasabah** seperti yang dipersetujui dalam perjanjian perkhidmatan

HAK TAMBAHAN PEKERJA GIG



untuk **dimaklumkan mengenai sistem pemantauan automatik yang digunakan** oleh entiti kontrak **untuk memantau pekerja gig** dan sebarang akibat yang mungkin timbul berdasarkan pemantauan tersebut;




untuk dimaklumkan mengenai sistem pembuatan keputusan automatik yang digunakan oleh entiti kontrak untuk **membuat keputusan mengenai tugas kerja dan keadaan pekerjaan pekerja gig**;



untuk disediakan dengan **mekanisme semakan manusia terhadap sistem pemantauan dan pembuatan keputusan** automatik entiti kontrak seperti dalam perenggan (a) dan (b); dan



untuk disediakan dengan **mekanisme aduan dalaman yang sesuai** bagi sebarang pertikaian di bawah perjanjian perkhidmatan.



PENYAHAKTIFAN DARIPADA AKSES KEPADA SISTEM PENGANTARA DIGITAL- S. 14

1 PENYAHAKTIFAN BOLEH BERLAKU BILA:

(a) penyahaktifan itu adalah **mengikut terma dan syarat** di bawah perjanjian perkhidmatan;

(b) terdapat **salah laku** telah dilakukan oleh pekerja gig semasa melaksanakan perkhidmatan.

8 Tamat tempoh 7 HARI, aktifkan semula akses

7

PEKERJA GIG DIBERIKAN HAK UNTUK DIDENGAR

6 BERSALAH - BERI PENJELASAN BERTULIS (9)

a) **menamatkan akses pekerja gig** itu kepada sistem pengantara digitalnya dan perjanjian perkhidmatan; atau

(b) **meneruskan dengan pengubahsuaian** atau penggantungan akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digitalnya **bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi tujuh hari** tanpa menamatkan perjanjian perkhidmatan.

2

Penyedia platform **mengubah suai, menggantung atau menamatkan akses pekerja gig itu kepada sistem pengantara digital** dengan cara yang **menghalang pekerja gig itu daripada melaksanakan perkhidmatannya** di bawah perjanjian perkhidmatan.

3

tempoh tidak melebihi **14 hari**

4

Makluman melalui **Notis Bertulis**

5

TIDAK BERSALAH

(a) **mengaktifkan semula akses** pekerja gig kepada sistem pengantara digitalnya; dan

b) **membayar kepada pekerja gig itu separuh daripada amaun purata pendapatan harian bagi tempoh pengubahsuaian** atau penggantungan itu dan pembayaran itu hendaklah dikira berdasarkan pendapatan bagi hari perkhidmatan sebenar dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tempoh pengubahsuaian atau penggantungan itu.



ILUSTRASI

- Pekerja gig **digantung selama lima (5) hari**.
- Dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum penggantungan, pekerja gig telah menjalankan perkhidmatan sebenar selama lima belas (15) hari.
- Daripada lima belas (15) hari tersebut, rujukan dibuat kepada lima (5) hari perkhidmatan sebenar yang paling terkini sebelum penggantungan.
- Jumlah pendapatan daripada **lima (5) hari perkhidmatan sebenar tersebut adalah:**
 - ❖ RM100, RM120, RM80, RM90, RM110 → Jumlah = RM500



LANGKAH PENGIRAAN


1. Purata pendapatan harian:
 $\text{RM500} \div 5 = \text{RM100}$
2. Satu per dua daripada purata pendapatan harian:
 $\text{RM100} \times \frac{1}{2} = \text{RM50}$
3. Darab dengan bilangan hari penggantungan (5 hari):
 $\text{RM50} \times 5 = \text{RM250}$



KEPUTUSAN

Pekerja gig berhak menerima bayaran sebanyak **RM250** sebagai anggaran pendapatan bagi tempoh penggantungan selama **lima (5) hari tersebut**.

FORMULA PENGIRAAN



BIDANG KUASA JTK DI BAWAH AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]

12 BAHAGIAN


Kuatkuasa
Award /
Perintah



BAHAGIAN	PERKARA	JABATAN/ AGENSI
I	PERMULAAN	AM
II	PERJANJIAN PERKHIDMATAN	JTK
III	PEKERJA GIG	JTK
IV	PENYELESAIAN PERTIKAIAN	JPP
V	TRIBUNAL PEKERJA GIG	MP
VI	MAJLIS PERUNDINGAN	MPGN
VII	PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN BAHAGIAN III, BAHAGIAN V DAN BAHAGIAN VI	JTK
VIII	PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL	PERKESO
IX	KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	JKKP
X	PELBAGAI	AM

Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]

BAHAGIAN II- PERJANJIAN PERKHIDMATAN



- Perjanjian perkhidmatan
- Seksyen 3

- Kecualian bagi perjanjian perkhidmatan sedia ada
- Seksyen 4

- Terma dan syarat yang mengatasi
- Seksyen 5

- Kesahan terma dan syarat
- Seksyen 6

- Perkara yang tidak diperuntukkan di bawah Akta ini
- Seksyen 7

Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]

BAHAGIAN III– PEKERJA GIG

● Seksyen 8

Hak pekerja gig

● Seksyen 9

Larangan terhadap entiti kontrak berkenaan dengan perbuatan tertentu

● Seksyen 10


Hak pekerja gig untuk menyertai, mengambil bahagian dalam atau menubuhkan persatuan pekerja gig

● Seksyen 11

Hak bagi pendapatan

● Seksyen 12

Potongan pendapatan, tip dan ganjaran



● Seksyen 13

Hak untuk diberikan slip pendapatan

● Seksyen 14

Penyahaktifan di bawah perjanjian perkhidmatan, dsb.

● Seksyen 15


Keutamaan pendapatan daripada hutang lain

● Seksyen 16

Kewajipan entiti kontrak di bawah Bahagian ini

Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872]

BAHAGIAN VII– PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN BAHAGIAN III, BAHAGIAN V DAN BAHAGIAN VI





PENDAPATAN, TIP & GANJARAN



PENDAPATAN (S.2)

Apa-apa bayaran yang **kena dibayar kepada pekerja gig di bawah perjanjian perkhidmatan** tetapi tidak termasuk tip dan ganjaran, dan faedah lain yang diterima oleh pekerja gig;

TIP DAN GANJARAN (S. 2)

- a) suatu **pembayaran yang dibuat secara sukarela** kepada pekerja gig sebagai tambahan kepada pendapatan; atau
- (b) suatu pembayaran yang **dibuat secara sukarela melalui entiti kontrak** dengan niat bahawa pembayaran itu akan dibuat kepada pekerja gig sebagai tambahan kepada pendapatannya;

POTONGAN PENDAPATAN, TIP & GANJARAN

Penentuan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Akta Pekerja gig Bil 1-2025- s12
potongan.docx

Potongan pendapatan, tip dan ganjaran

12. (1) Entiti kontrak tidak boleh membuat apa-apa potongan daripada pendapatan atau tip dan ganjaran pekerja gig melainkan jika potongan itu—

- (a) dibuat setakat apa-apa pembayaran lebih pendapatan dibuat sebaik sebelum tiga bulan daripada bulan yang potongan akan dibuat, oleh sebab kesilapan yang dibuat oleh entiti kontrak;**
- (b) dibenarkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau**
- (c) dibenarkan oleh Ketua Pengarah dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukannya.**

(2) Mana-mana entiti kontrak yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

SLIP PENDAPATAN

Penentuan Ketua Pengarah Tenaga
Kerja Akta Pekerja gig Bil 2-2025- s13
slip.docx

Hak untuk diberikan slip pendapatan

13. (1) Seseorang pekerja gig boleh meminta slip pendapatan daripada entiti kontrak selain seorang individu.

(2) Apabila menerima permintaan oleh pekerja gig di bawah subseksyen (1), entiti kontrak selain seorang individu hendaklah memberikan slip pendapatan dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana entiti kontrak selain seorang individu yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

SENARAI KESALAHAN- BIDANG KUASA JTK

KOMPAUN

Bahagian III

- i. subseksyen 11(2)- lewat bayar pendapatan
- ii. subseksyen 12(2)- potongan tidak sah pendapatan, tip & ganjaran
- iii. subseksyen 13(3)- gagal memberikan slip pendapatan
- iv. subseksyen 14(4) - gagal memaklumkan pekerja gig mengenai pengubahsuaian atau penggantungan perkhidmatan melalui notis bertulis
- v. subseksyen 14(5) - mengaktifkan semula akses dan membayar purata pendapatan dalam tempoh tersebut
- vi. subseksyen 14(7) - Tidak memberikan hak pekerja gig untuk didengar
- vii. subseksyen 14(8) - Gagal mengaktifkan semula akses selepas tempoh lanjutan 7 hari pengubahsuaian/ penggantungan
- viii. subseksyen 14(9)- Gagal memberikan penjelasan bertulis mengenai keputusan di bawah subseksyen (6)

PENDAKWAAN

Bahagian V - Tidak mematuhi Award Tribunal

Subseksyen 45(1)
Subseksyen 45(2)- kesalahan berterusan selepas sabitan

Bahagian VI- Tidak mematuhi Perintah Majlis Perundingan

Subseksyen 50(4)

TERIMA KASIH